

Russia dakwa siasatan berat sebelah

Moscow: Siasatan Belanda ke atas tragedi yang menimpa pesawat MH17 di timur Ukraine pada tahun lalu, adalah berat sebelah, kata Timbalan Menteri Luar Russia, Sergei Ryabkov yang dipetik agensi berita Russia, semalam.

“Ini adalah sumber yang dikesali, meskipun Russia berulang-ulang dan memanjangkan usaha untuk menganjurkan siasatan dengan cara menyeluruh dan tidak berat sebelah dengan mengambil maklumat yang kita ada... di mana terdapat cubaan

jelas untuk menarik kesimpulan yang berat sebelah dan menjalankan perintah politik,” kata Ryabkov yang dipetik agensi berita sama.

Dalam pada itu, pembuat peluru berpandu BUK, Almaz-Antey turut mempertikaikan laporan berkenaan.

Almaz Antey berkata, ia telah menjalankan ujian ‘yang boleh mempertikaikan hasil laporan Lembaga Keselamatan Belanda (DBS)’ kerana kerosakan pada pesawat itu menunjukkan ia ditembak menggunakan peluru berpandu jenis lain.



Bangkai pesawat MH17 ditunjukkan kepada media sewaktu pembentangan laporan akhir punca ia terhempas di pangkalan udara Gilze Rijen, Belanda semalam. [FOTO AFP]



MH17 ditembak jatuh pada 17 Julai 2014

Pesawat jenis Boeing 777-200

Jumlah penumpang dan anak kapal:

298 orang

Jumlah penumpang:

283 orang

Jumlah warga Malaysia:

44 (penumpang dan anak kapal)

-Penumpang:

29 (termasuk 2 bayi)

-Kru teknikal MAS

MH17: 4 lelaki

-Kru kabin

MAS MH17: 11

(3 lelaki / 8 wanita)

Penumpang warga negara lain:

Belanda: **189 orang**

Australia: **27 orang**

Indonesia: **12 orang**

(**1 bayi**)

United Kingdom: **9 orang**

Jerman: **4 orang**

Belgium: **4 orang**

Filipina: **3 orang**

Kanada: **1 orang**

New Zealand: **1 orang**

Lain-lain: **4 orang**

6.15 PETANG

(waktu Malaysia): MH17 berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Schiphol, Amsterdam.

10.15 MALAM

MAS dimaklumkan Kawalan Trafik Udara (ATC) Ukraine

penandaan dan pemasangan semula bahagian pesawat.

18 FEBRUARI 2015

- **Draf resolusi** terbaharu Majlis Keselamatan mengenai keadaan di Ukraine mengulangi semula desakannya bagi kebertanggungjawaban pihak yang menembak pesawat Penerbangan MH17.

19 MEI 2015

- **Pasukan** penyiasatan antara-bangsa Lembaga Keselamatan Belanda kini memberi fokus terhadap analisis berhubung kesahihan fakta yang dibekalkan media berhubung kelengahan dalam penyiasatan nahas pesawat MH17.

10 JULAI 2015

- **Malaysia** menerima laporan hasil siasatan terhadap nahas udara pesawat MH17 daripada pihak berkuasa Belanda.
- **Kerajaan** memerlukan masa kira-kira 60 hari bagi meneliti laporan itu secara menyeluruh dan terperinci sebelum mengemukakan maklum balas kepada pihak berkuasa Belanda.

11 JULAI 2015

- **Malaysia** mengadakan majlis memperingati ulang tahun pertama tragedi pesawat MH17.

14 JULAI 2015

- **Negara-negara** yang menjalankan siasatan jenayah bebas

terhadap nahas MH17 menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya menubuhkan tribunal jenayah bagi mendakwa mereka yang bertanggungjawab ke atas jenayah itu yang mengorbankan 298 nyawa.

- **Australia**, Belgium, Malaysia, Belanda dan Ukraine berpendapat tribunal jenayah bebas yang ditubuhkan oleh majlis itu, mencerminkan standard antarabangsa tertinggi, akan menjadi medan terbaik bagi memastikan keadilan untuk mangsa dan orang tersayang.

30 JULAI 2015

- **Russia** menggunakan kuasa vetonya dalam Majlis Keselamatan

Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) untuk menghalang cadangan lima negara, yang dirintis Malaysia, untuk menubuhkan tribunal jenayah antarabangsa bagi membicarakan mereka yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17.

24 OGOS 2015 - Malaysia

menyerahkan maklum balas berkaitan laporan nahas pesawat MH17 kepada pasukan penyiasat Belanda, menurut Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

13 OGOS 2015

- **Malaysia** menerima laporan akhir nahas MH17 yang disediakan jawatankuasa bebas yang ditubuhkan untuk menyiasat tragedi itu.

Frank Udara (ATC) Ukraine terputus hubungan dengan MH17 kira-kira 50 kilometer dari sempadan Russia-Ukraine

Agensi berita Interfax di Moscow mendakwa pesawat itu ditembak jatuh pada ketinggian 9,144 meter di timur Ukraine.

Bangkai pesawat bertaburan di pelbagai tempat dalam jarak kawasan 50 kilometer persegi di ladang perkampungan Grabove di Ukraina, iaitu daerah yang dilanda perang saudara di Donetsk, utara Ukraine. Kesemua 298 penumpang dan anak kapal terkorban.

Berdasarkan jadual penerbangan, pesawat MH17 sepatutnya dijangka sampai di KLIA Malaysia pada jam 6.10 pagi waktu Malaysia-

BH
14/10/2015
MIS F

Rumah Putih anggap 'peristiwa penting'

Washington: Laporan Lembaga Keselamatan Belanda (DSB) mengenai tragedi pesawat MH17 adalah peristiwa penting dalam usaha untuk mengheret mereka yang bertanggungjawab terhadap bencana itu, kata

Rumah Putih semalam.

AS beri sokongan penuh

"Amerika Syarikat akan menyokong penuh segala usaha untuk membawa mereka ke muka pengadilan. Penilaian kami tidak

berubah. MH17 ditembak jatuh oleh peluru berpandu darat ke udara oleh pemisah yang mengawal wilayah di timur Ukraine.

"Semua mangsa kekal dalam ingatan dan doa kami," kata juru-

cakap Majlis Keselamatan Negara, Ned Price dalam kenyataannya. Semalam, DSB berkata pesawat itu ditembak jatuh di Ukraine oleh peluru berpandu BUK buatan Russia.

REUTERS

